

**PEMAKAIAN KAEDEH ISTIHLAK DAN ISTIHALAH DALAM PENENTUAN  
PRODUK HALAL DI MALAYSIA BERDASARKAN BIDANGKUASA  
PERUNDANGAN DAN KEPUTUSAN HUKUM MUZAKARAH  
JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL  
UGAMA ISLAM MALAYSIA**

**THE USAGE OF ISTIHLAK AND ISTIHALAH METHODE IN HALAL PRODUCT  
DETERMINATION IN MALAYSIA BASED ON LEGISLATION AND DECISION BY  
THE NATIONAL COUNCIL OF FATWA COMMITEE MALAYSIA**

Zulfaqar bin Mamat<sup>i</sup>

<sup>i</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, [zulfaqar@usim.edu.my](mailto:zulfaqar@usim.edu.my)

Article Progress

Received: 20 January 2019

Revised: 28 January 2019

Accepted: 31 January 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Kadang-kadang timbul keraguan di kalangan masyarakat, khususnya umat Islam pada hari ini mengenai makanan dan barang gunaan yang telah bercampur aduk dari segi kandungannya. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana kaedah istihlak dan istihalah diterima dalam penghasilan sesuatu produk halal di Malaysia. Kajian perpustakaan telah digunakan dalam menetapkan asas penetapan hukum bagi kedua-dua kaedah ini, pandangan dan perbezaan pendapat antara fuqaha mazhab juga diketengahkan berdasarkan kitab-kitab utama mereka. Seterusnya kedudukan istihlak dan istihalah dalam pemprosesan produk halal di Malaysia dikaji dengan meneliti enakmen dan akta berkaitan. Selain itu, fatwa dan ketetapan hukum yang diputuskan pihak yang diberi kuasa iaitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia juga</p>	<p>Sometimes there is a doubt in society, especially Muslims today about food and consumables that have been mixed in terms of content. The purpose of this study is to see the extent of istihlak and istihalah methods in the production of a halal product in Malaysia. Library studies have been used in establishing the basis of decision making for these two methods, views and differences of opinion between the fuqaha on various fiqh school of thought are also highlighted based on their main books. Furthermore, istihlak and istihalah's position in halal product processing in Malaysia is reviewed by examining the enactments and related acts. In addition, the fatwa and legal provisions decided by the authorized party, The National Council of Fatwa Commitee Malaysia were also reviewed to evaluate the application of this method more thoroughly. The study found that istihlak and istihalah methods</p>

<p><i>diteliti untuk menilai pemakaian kaedah ini secara lebih menyeluruh. Kajian mendapati kaedah istihlak dan istihalah yang digunakan dalam penghasilan produk halal di Malaysia hanya dalam konteks yang sempit dan terhad sahaja sebagaimana amalan dalam mazhab Syafie. Keutamaan kepada mazhab Syafie yang menjadi pegangan rasmi negara dalam menentu dan mentafsirkan hukum serta fatwa terus dikenalkan demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Halal, istihlak, istihalah, fatwa</p>	<p><i>used in the production of halal products in Malaysia are only in a narrow and restricted context as practice in the Syafie school of thought. Priority to the Syafie school of thought which is the official sects of the country in the determination and interpreting of the law and fatwa continues to be maintained in order to safeguard the harmony and well-being of society in general.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Halal, istihlak, istihalah, fatwa</p>
---	---

## PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai produk pada masa kini yang menjadi pilihan umat Islam. Banyak produk perubatan, makanan dan barang gunaan serta kosmetik yang telah mengalami perubahan dari segi kandungan dan cara pembuatannya. Keraguan dan kekeliruan mula timbul di kalangan pengguna Islam terhadap status kehalalan produk yang dicampuraduk bahan-bahannya sehingga ada sesetengahnya yang telah hilang sifat asalnya dan menjadi satu produk lain yang berbeza sama sekali dari segi nama,bentuk, rasa dan ciri-cirinya.

Sebagai agama yang sempurna Islam telah menyediakan dasar dan prinsip umum mengenai halal haram dalam pemakanan, ubat-ubatan dan apa juga bahan-bahan kegunaan harian yang lain. Sementara dalam perkara-perkara yang ada kekeliruan hukum maka para fuqaha Islam telah melakukan penelitian dan *ijtihad* bagi memperjelaskan isu-isu tersebut. Hasil daripada penggalian dan *istinbat* hukum yang dilakukan, terdapat kaedah-kaedah yang telah dikenalpasti oleh para fuqaha dalam mengukur status halal atau haram sesuatu produk berkenaan. Antaranya ialah kaedah *istihlak* dan *istihalah* atau dalam bahasa yang lebih mudah ialah percampuran antara bahan atau perubahan sesuatu benda menjadi suatu benda yang lain.

Kaedah-kaedah ini sebenarnya telah dibincang oleh para fuqaha terdahulu dalam kitab-kitab fiqh, tetapi ia didapati bertebaran dalam bab-bab fiqh yang pelbagai seperti dalam bab bersuci dan bab makanan serta minuman. Pengunaannya sebagai satu istilah teknikal dalam fiqh hanya mula digunakan oleh para ulama era kontemporari (Saadan Man, 2009)

## DEFINISI ISTIHLAK DAN ISTIHALAH

### Definisi bahasa

*Istihlak* dan *istihalah* ialah dua istilah yang berasal dari bahasa arab. *Istihlak* dari kata akar *halaka* yang membawa maksud binasa. Dalam penggunaan fiqh istilah “*istihlak*” pada kebiasaannya membawa kepada dua pengertian:

1. Menjadikan sesuatu itu sebagai binasa (*halik*), dikatakan: Seseorang *istihlak* hartanya, iaitu ia membelanja dan menghabiskannya.
2. Bercampur suatu *ain* dengan *ain* yang lain, sehingga luput sifat yang ada padanya atau ciri-ciri yang dimaksudkan, di mana ia jadi binasa, sekalipun masih berbaki, seperti bercampur arak atau susu dalam air atau cairan yang lebih banyak.

Sementara *istihalah* pula dari kata akar *hawala* yang membawa maksud berubah. Dalam penggunaan fiqh istilah “*istihalah*” merujuk kepada perubahan sesuatu najis kepada suatu bahan yang suci (al-Fayyumi, t.th)

### Definisi istilah

Berdasarkan definisi dari segi bahasa tadi, maksud yang dikehendaki bagi *istihlak* dan *istihalah* dari segi istilahnya tidaklah begitu berbeza dengan makna yang dibawa dari segi bahasa:

*Istihlak* ialah sesuatu yang hilangnya ciri-ciri bahan (asal) dengan sebab ia terurai dalam air atau cecair yang kuantitinya lebih banyak, sehingga menjadikan ia larut didalamnya lalu memberi kesan dari segi perubahan hukum. Antara contohnya ialah air najis yang ditambah atau dimasukkan ke dalam air bersih yang banyak maka ia dihukum bersih apabila didapati air tersebut tidak berwarna, tidak berbau dan tidak berasa yang tidak menyenangkan (Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah, 2013).

*Istihalah* pula merupakan perubahan pada sifat atau fizikal bahan tetapi zat bahan itu tetap kekal (tiada perubahan) (Ibn Hajar al-Haytamiy, 2001). Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah (2013) menyatakan *istihalah* ialah perubahan daripada suatu bahan kepada bahan yang lain dengan berubah zat dan sifatnya. Ia memberi kesan kepada perubahan hukum dengan sebab perubahan itu, seperti anggur yang bertukar menjadi arak maka hukumnya haram, tetapi apabila arak bertukar menjadi cuka maka hukumnya halal.

Menurut al-Qaradaghi (2017) *istihlak* adalah satu bahagian dari *istihalah*. Beliau membawakan kata-kata Ibn Taymiyyah untuk menyokong pendapatnya; “Secara amnya pendapat ini –iaitu mengambilkira perubahan- adalah pendapat yang betul, kerana Allah SWT telah mengharamkan bahan *al-khabaith* iaitu darah, bangkai, daging babi dan seumpamanya. Apabila bahan *al-khabaith* tadi jatuh ke dalam air atau selainnya lalu terurai dan tidak didapati lagi di sana darah, bangkai dan daging babi secara asalnya, sebagaimana arak apabila jatuh ke dalam cairan maka peminumnya tidak dianggap meminum arak”.

Walaubagaimanapun, Anisah Ab Ghani dan Muhamad Safiri Ismail (2014) menyatakan ada sedikit perbezaan antara maksud *istihlah* dan *istihlak*, di mana *istihlah* melibatkan perubahan sifat jirim bagi satu bahan yang sama sedangkan *istihlak* pula melibatkan percampuran jirim dua bahan yang berbeza sehingga salah satu daripadanya terurai dalam jirim bahan yang kedua. Namun begitu, konsep penentuan hukum daripada kedua-dua kaedah ini adalah tetap sama di mana hukum (sama ada suci/halal atau najis/haram) yang akan diputuskan adalah berdasarkan kepada sifat atau ciri baru yang terhasil pada bahan akhir dan bukannya berdasarkan sifat atau ciri sebelum proses ini berlaku.

## ASAS PENENTUAN ISTIHLAK DAN ISTIHLAH SERTA PENDAPAT FUQAHĀ

### Asas Penentuan Istihlak dan Istihlah

Secara umumnya, kaedah *istihlak* dan *istihlah* ini diambil dari sumber wahyu Allah SWT sebagaimana yang tercatat dalam surah al-Nahl ayat 66:

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةٌ نُسْقِيْكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرِثٍ وَدَمٍ  
لَبِّا حَالِصًا سَأِيْغَا لِلشَّرِبِ بَيْنَ ۝

Maksudnya:

“Dan Sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum dari pada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya.”

Dalam ayat di atas, kaedah *istihlah* dapat dilihat dari aspek bahawa susu yang dihasilkan oleh binatang ternakan adalah halal walaupun ia berada di antara najis dan darah haiwan berkenaan. Susu itu terhasil dari makanan yang dimakan oleh haiwan tersebut yang kemudiannya dicernakan di dalam perut di mana sebahagiannya menjadi darah, daging dan susu, manakala selebihnya menjadi najis yang dikeluarkan apabila tiba masanya. Justeru, para ulamak merumuskan, perubahan tabie darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci dan halal di makan adalah proses *istihlah* yang diterima. Begitu juga halnya dengan perubahan perahan anggur kepada arak dan arak menjadi cuka, air najis yang disiram sebagai baja kepada pokok yang kemudiannya menghasilkan buah, najis yang berubah menjadi tanah, haiwan *jallalah* yang dikuarantin dalam tempoh tertentu sehingga keadaannya menjadi seperti sedia kala. Semuanya ini merupakan proses *istihlah* yang diterima oleh majoriti fuqaha. Walaubagaimanapun, dalam keskes yang lain berlaku perselisihan pandangan yang agak ketara di kalangan ulamak

dalam isu *istihalah*, di mana ada ia hanya menjadi pegangan dalam mazhab-mazhab tertentu sahaja (Saadan Man, 2009).

*Al-Sunnah* merupakan sumber hukum kedua dalam syariat Islam. Pada dasarnya, tidak terdapat satu hadis yang khusus menyebut secara langsung tentang *istihalah*. Walaupun begitu, ini tidak bermakna kaedah *istihalah* tidak dibincangkan dalam khazanah keilmuan Islam. Ini kerana dari segi praktiknya terdapat beberapa hadis yang membincangkan isu-isu yang berkait dengan konsep tersebut. Antaranya ialah isu penyamakan dan status haiwan *al-jallalah*.

Dalam perbincangan mengenai kulit haiwan yang disamak, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila kulit disamak, ia menjadi suci” (Hadis riwayat Al-Baihaqi, t. th).

Dalam satu riwayat yang lain, Nabi SAW telah melihat seekor kambing yang telah mati dan dicampak di tepi jalan. Sedangkan, kambing tersebut telah diberikan kepada hamba perempuan Maimunah dari harta zakat. Lalu Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Kenapa kamu tidak mengambil manfaat dari kulitnya? Lalu mereka menjawab: “Ia telah menjadi bangkai.” Baginda SAW pun membalas dengan sabdanya: “Sesungguhnya yang diharamkan ialah memakan bangkai (bukan mengambil manfaat daripada kulitnya)” (Hadis riwayat al-Bukhari, t. th)

Selain itu, hadis lain yang menjadi sandaran terhadap kaedah *istihalah* ialah isu haiwan *al-jallalah*. Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Rasulullah SAW melarang daripada makan daging himar ternakan, dan juga dilarang memakan haiwan *al-jallalah* sama ada ada menunggang dan memakan dagingnya” (Hadis riwayat Abu Daud dlm. Abadiy, 1968)

Hadis ini menunjukkan larangan Rasulullah SAW memakan haiwan berstatus *al-jallalah*. *Al-jallalah* adalah haiwan yang diberi atau memakan makanan kotor secara berkala. Namun begitu, haiwan ini halal dimakan setelah melalui proses pengkuarantinan dalam tempoh tertentu. Ini kerana haiwan tersebut mengalami penyucian melalui proses *istihalah* dalam fasa tersebut.

Berasaskan hadis-hadis tersebut, proses penyamakan dan pengkuarantinan menunjukkan *istihalah* dari aspek aplikasinya telah wujud pada zaman Rasulullah SAW walaupun tiada satu pentakrifan yang jelas. Justeru, ia dapat dijadikan sebagai asas dalam penerimaan konsep *istihalah* sebagai instrumen purifikasi alternatif hukum.

Sementara kaedah *istihlak* pula diambil berdasarkan hadis yang masyhur berkenaan air yang melebihi dua kolah, di mana Nabi SAW bersabda yang maksudnya:

“Apabila air mencapai dua kolah, ia tidak akan membawa kepada kekejian (kotoran)” (Hadis riwayat Abu Daud dlm. Abadiy, 1968).

Hadis ini menunjukkan bahawa air najis atau yang haram, apabila bercampur dengan air banyak atau cairan bersih, *diistihlakkan* didalamnya tanpa membawa sebarang perubahan padanya samada warna, rasa atau bau, maka ia kekal sebagai bersih dan halal, tidak terkesan dengan bahan najis yang sedikit itu atau seumpamanya (Ibn Taymiyyah, 2004).

Dalam satu hadis lain mengenai telaga *budho'ah* (tempat buangan sesuatu), bilamana disebut kepada Nabi SAW tentang telaga itu sebagai tempat buangan sisa kotoran haid, daging anjing dan sebarang kotoran berbau, maka baginda SAW bersabda yang maksudnya:;

“Air itu suci bersih, tidak dinajiskannya oleh sesuatu” (Hadis riwayat Abu Daud dlm. Abadiy, 1968).

### PENDAPAT FUQAHÀ MENGENAI ISTIHLAK DAN ISTIHALAH

Walaupun terdapat dalil tentang keharusan beramal dengan kaedah *istihlak* dan *istihalah* dalam beberapa kes, tetapi para fuqaha berselisih pendapat untuk memperluaskan kaedah ini kepada kes-kes yang lain. Ada dikalangan fuqaha yang hanya menerima pengaplikasian kaedah tersebut dalam skop yang sempit seperti isu cuka yang mengalami perubahan daripada arak dan kulit haiwan yang disamak sekalipun daripada bangkai. Kumpulan ini diterajui oleh kebanyakan ulama Syafi'iyyah serta Hanabilah. Manakala di pihak yang kedua pula, wujud sebahagian ulama lain iaitu sebahagian ulama Hanafiyyah, Zahiriyyah dan juga Malikiyyah yang meluaskan skopnya di mana mereka mengaplikasikan kaedah tersebut dalam apa jua bidang kepenggunaan asalkan ianya berkongsi *illah* hukum yang sama.

#### Mazhab Syafi'i

Mazhab Syafi'i antara yang menyempitkan skop *istihalah* kepada beberapa aspek tertentu sahaja. Ini dapat dilihat melalui tulisan dalam kitab-kitab fiqh mereka sebagaimana kata Imam al-Shirazy (t.th) dalam “*al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*” yang bermaksud:

“Tidaklah bersih sesuatu najis dengan sebab *istihalah* melainkan dua perkara: Salah satunya kulit binatang yang disamak dan yang kedua arak apabila bertukar menjadi cuka dengan sendiri maka ia dianggap bersih dengan sebab itu”.

Ibn al-Naqib al-Syafi'i (1982) dalam kitab “*Umdat al-Salik wa Uddat al-Nasik*” pula berkata:

"Tidak bersih sesuatu daripada najis melainkan arak yang bertukar menjadi cuka, kulit yang disamak dan najis yang bertukar menjadi haiwan. Apabila arak bertukar menjadi cuka tanpa dimasukkan sesuatu benda asing padanya maka ia dianggap bersih bersekali dengan bekas simpanan dan buih-buihnya. Sekiranya dimasukkan benda asing pada arak tersebut maka ia tidak dianggap bersih.

Adapun air yang bercampur (*istihlak*) najis menurut mazhab Syafi'i jika air tidak sampai dua *qullah*, maka ia menjadi najis, walaupun air tersebut tidak berubah. Sekiranya melebihi dua *qullah* maka dihukum bersih sekalipun terkena benda-benda najis, jika tidak dikesan ada perubahan pada sifatnya sama ada warna, rasa, atau baunya (al-Syirbini, t.th)

Imam al-Sayuti (t.th) dalam kitab *al-Asybah Wa al-Naza'ir* mengatakan terkeluar dari kaedah; "اذا اجتمع الحلال والحرام غالب الحرام" apabila perkara haram itu *diistihlakkān* atau seumpamanya. Jika seorang muhrim (orang dalam ihram) memakan sesuatu yang telah teristihlak dalamnya bahan wangian, maka tiada dikenakan *fidyah*. Jika bercampur cecair dengan air secara *teristihlak* dalamnya, harus digunakan semuanya untuk bersuci atau susu seorang ibu dicampur dengan air secara *teristihlak* dalamnya, maka anak itu tidak menjadi mahram secara susuan.

### Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi pula antara golongan ulama yang memperluaskan skop *istihlahah*. Imam al-Zayla'iy (1984) dalam kitabnya "*Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*" menyatakan:

"Setiap bahan yang tidak hancur dengan sebab perahan atau ain najis, menjadi bersih dengan *istihlahah* menurut pandangan kami, seperti bangkai yang jatuh ke dalam lautan garam yang terlarut sehingga menjadi garam, tahi apabila menjadi debu tanah atau dibakar dengan api sehingga menjadi abu, maka hukumnya sama dengan arak apabila berubah menjadi cuka atau kulit binatang yang telah disamak iaitu dihukum bersih dengan sebab *istihlahah*, dan disebut dalam fatwa bahawa kepala kambing sekiranya dibakar sehingga hilang darahnya maka dihukum bersih, begitu juga lembapan najis di dapur boleh menjadi bersih dengan sebab pembakaran".

Ibnu Nujaym (1998) dalam kitab *al-Bahr al-Raiq* berkata: " Bertukar ain (sesuatu), jika mengenai arak, tiada khilaf tentang kesuciannya, jika dalam hal lain, seperti khinzir dan bangkai yang terjatuh dalam garam, maka ia akan menjadi garam yang diharus makan, jika pada najis (tahi) yang dibakar menjadi abu, maka ia bersih disisi Muhammad, bersalahnya pula dengan Abi Yusuf. Pandangan Muhammad disokong oleh Hanafi (dalam kitab *al-Muhit*) dan kebanyakan para sheikh (*mazhab*). Dalam kitab *al-Khulasoh*; atasnya diberikan fatwa, Dalam kitab *Fath al-Qadir*; ia

pandangan terpilih, oleh kerana syarak telah menetapkan sifat najis pada hakikat tersebut, maka ternafi hakikat itu dengan ternafinya sesetengah daripada unitnya, bagaimana pula (jika ternafi) semua, garam itu bukan lagi tulang dan daging, bila sudah menjadi garam, ia telah mengambil hukum garam.

### **Mazhab Maliki**

Pandangan dalam mazhab Maliki berhubung perkara ini hampir menyerupai pandangan mazhab Hanafi.

Al-Dasuqi (1980) ada menyatakan dalam kitab *Hashiyat al-Dasuqi ala al-Syarh al-Kabir*:

“Sesuatu yang berubah kepada yang baik adalah suci, sebaliknya sesuatu yang berubah kepada yang buruk dan kotor adalah najis, umpamanya susu anak Adam walaupun daripada orang kafir adalah suci kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang kotor.”

### **Mazhab Hanbali**

Mazhab Hanbali mempunyai pendirian yang hampir sama dengan mazhab Syafi'i, di mana prinsip *istihalah* ini hanya diterima dalam konteks arak yang menjadi cuka dengan sendirinya, atau dipindahkan oleh manusia ke tempat yang boleh mempercepatkan proses penukaran tanpa disertai dengan niat berbuat demikian. Proses pembakaran najis tidak menjadikannya suci, dengan makna bahawa abu dan asapnya adalah najis, begitu juga wap sesuatu yang najis adalah najis. Tanah liat yang dipenuhi dengan tahi binatang yang haram dimakan adalah najis walaupun dibakar untuk dijadikan pasu dan seumpamanya. Dalam kes jika binatang najis jatuh ke dalam garam dan bertukar menjadi garam, atau pun jatuh ke dalam sabun dan menjadi sabun, ia tetap najis dan haram (Wahbah al-Zuhayli,1985).

Ibn Qudamah (t.th) dalam *al-Mughniy* menyatakan:

“Mazhab (Hanbali) secara zahirnya, bahawa tidak bersih sesuatu yang najis dengan *istihalah* melainkan arak apabila bertukar dengan sendirinya menjadi cuka. Selainnya tidak dianggap bersih, seumpama najis yang dibakar menjadi abu, babi yang jatuh ke dalam garam lalu menjadi garam, asap dan wap yang terhasil daripada najis. Maka terkeluarlah kesemua bahan yang *teristihalah* itu jika diqiaskan kepada arak yang bertukar cuka, kulit haiwan yang disamak dan haiwan *al-jallalah* yang telah dikuarantin. Sesungguhnya telah menegah imam kami memakan roti dari dapur yang disalai padanya babi”.

## **APLIKASI PRODUK BERASASKAN ISTIHLAK DAN ISTIHALAH DALAM DUNIA MODEN**

Jika dilihat kepada produk-produk yang ada pada hari ini maka begitu banyak produk yang terhasil berasaskan kaedah *istihlak* (penguraian) dan *istihalah* (perubahan). Kebanyakan komposisi makanan pada hari ini adalah terdiri daripada bahan utama dan bahan aditif yang diperoleh daripada sumber lain seperti tumbuhan, haiwan, mikrob dan sintetik. Bahan dari sumber semulajadi dan kimia tiada keraguan kecuali jika ia beracun dan memuadaratkan. Tetapi jika bersumber dari haiwan maka seharusnya diragui kerana perlu dipastikan ianya daripada haiwan yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak. Sebagai contohnya bahan mentah seperti perasa ayam, perasa daging, gelatin, *emulsifier*, *rennet* dan seumpamanya yang perlu diteliti sumber pengambilannya (Mohammad Aizat Jamaluddin, 2013).

Berikut merupakan antara bahan-bahan yang banyak dicampur ke dalam produk berasaskan kaedah *istihalah* dan *istihlak* yang menimbulkan *syubhat* kepada masyarakat pada masa kini seperitimana berikut:

### **Arak**

Arak (khamr) merupakan bahan yang jelas diharamkan oleh Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis Nabi SAW. Dalam industri pemprosesan makanan masa kini, kebanyakan restoran dan hotel yang menyediakan makanan Cina menggunakan wain beras dalam masakan mereka. Segelintir restoran dan hotel yang menyediakan masakan Barat, Perancis atau Jepun turut menggunakan alkohol termasuk cuka wain bagi menepati cita rasa masakan berkenaan. Bahkan terdapat penggunaan cuka wain secara tidak langsung dalam makanan seperti pencuci mulut, bahan perap daging, salad *dressing*, *mustard*, jeruk, sos, kek, roti, biskut dan lain-lainnya (Norhidayah Pauzi & Saadan Man, 2016)

### **Darah haiwan**

Penggunaan darah haiwan banyak didapati dalam pelbagai jenis makanan yang diproses. Ini kerana sumber darah mudah didapati daripada rumah sembelihan dan dikitar semula sebagai agen tambahan dalam makanan. Sebagai contohnya *enzim transglutaminase* dan serbuk plasma adalah bersumber dari darah. Kedua-dua bahan ini secara umumnya digunakan dalam penghasilan makanan seperti bebola ikan, sosej, keju dan *yogurt*. Nama komersil bagi produk seumpama ini ialah *surimi* (Mohammad Aizat Jamaluddin, 2013).

### **Sumber manusia**

Dalam penghasilan produk makanan, terdapat sumber berasaskan manusia yang telah digunakan. Antaranya ekstrak daripada kolagen, urin, janin, air ketuban dan sebatian hidroklorida *lecithin* yang diperoleh daripada rambut. Sebagai contohnya sebatian *lecithin* ada digunakan dalam makanan seperti biskut, kerak *pizza* dan donut (Mohammad Aizat Jamaluddin, 2013). Selain itu, terdapat juga produk lain yang seperti kosmetik, barang gunaan dan farmasutikal yang berasaskan sumber manusia

seperti syampu, losyen kulit dan gincu bibir. Ia diekstrak dari kolagen, urin, janin serta air ketuban (CAP,2006)

### Babi

Dunia pada hari ini menyaksikan bahawa industri makanan, ubat-ubatan dan barang kegunaan harian telah banyak dicampur dengan bahan-bahan haram khususnya bahan dari khinzir. Disebutkan bahawa babi adalah haiwan yang paling banyak kegunaannya dalam industri pemakanan, ubatan dan bahan kegunaan harian termasuk alat kosmetik dan barang gunaan harian. Setiap inci dari tubuh khinzir itu digunakan oleh pihak-pihak berkenaan sepenuhnya. Bahan-bahan seperti *aditif* dan *emulsifier* yang dalam makanan, insulin dan gel kapsul dalam ubat-ubatan banyak diambil dari sumber babi, begitu juga dalam makanan terubahsuai di mana banyak DNA daripada babi dimasukkan dalam tumbuhan dan seumpamanya untuk tujuan penambahbaikan (Saadan Man, 2009).

### Bahan lain

Selain bahan yang telah dinyatakan, terdapat juga bahan lain yang diragui status kehalalannya. Antaranya seperti set pinggan mangkuk dan ubat gigi dari abu tulang, minyak wangi daripada kasturi, musang (*chivet*), *ambergris* (sperma ikan paus) dan seumpamanya yang memerlukan penelitian mendalam dari sudut hukumnya (Mohammad Aizat Jamaluddin, 2013).

## PEMAKAIAN ISTIHLAK DAN ISTIHALAH DALAM PENENTUAN PRODUK HALAL DI MALAYSIA

### Bidangkuasa Perundangan Bersangkutan Pemakaian Istihlak dan Istihalah Dalam Isu Produk Halal Di Malaysia.

Banyak pihak yang terlibat dalam mengurus dan memajukan industri halal di Malaysia, antara agensi kerajaan yang terlibat secara langsung mengenainya ialah *Halal Developmet Corporatian* (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). HDC adalah lebih tertumpu kepada pembangunan industri halal di peringkat tempatan dan global serta pemasaran produk-produk halal, sementara Jakim menumpukan kepada persijilan halal dan pematuhan standard halal yang dibangunkan. Selain itu, beberapa agensi kerajaan lain turut bekerjasama menyokong peranan yang dimainkan kedua-dua agensi ini, seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepengunaan, Jabatan Standard Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (Farah Mohd Shahwahid et.al, 2015).

Jakim sebagai pemain utama dalam persijilan halal mempunyai kuasa sebagaimana yang diperuntukkan kepadanya dalam Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 di mana dalam Seksyen 28 memperuntukkan kuasa menteri mentakrifkan apa-

apa ungkapan dan bagi menghendaki maklumat diberikan. Menteri boleh menetapkan erti berkenaan sama ada ungkapan digunakan dalam perjalanan perdagangan, perniagaan atau dalam hal keadaan dinyatakan dalam perintah itu, maka berdasarkan seksyen ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengeluarkan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Manakala dalam Seksyen 29 pula, menteri boleh menamakan mana-mana pihak berkuasa untuk memperakukan, menandakan, membekalkan atau menawarkan ke atas sesuatu barang termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal. "Maka berdasarkan seksyen ini, Menteri KPDKKK mengeluarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Bagi penandaan logo dan pensijilan halal, JAKIM dan MAIN dinamakan sebagai agensi pensijilan halal di negara ini yang diiktiraf mengikut APD 2011, sekali gus tiada lagi logo halal lain kecuali logo halal Malaysia (Mohd Yusof Abdul Rahman, 2012).

Dalam memastikan kesemua perkara-perkara yang dinyatakan dalam akta ini dipatuhi dalam persijilan halal maka Jakim dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia telah membangunkan beberapa standard halal iaitu garis panduan bagi memastikan industri makanan dan seumpamanya memenuhi keperluan asas yang ditetapkan sebelum diberikan persijilan halal Malaysia. Antaranya ialah MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum, MS 2200: 2012 Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum, MS 2200:2008 Barang Gunaan Islam - Bahagian 1: Kosmetik dan Dandan Diri - Garis Panduan Umum, MS2424:2012: Halal Pharmaceuticals – General Guidelines, MS2400 -1: 2010 Halalan – Toyyiban Assurance Pipeline – Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods And/ or Cargo Chain Services dan MS 2400 -2:2010 Halalan – Toyyiban Assurance Pipeline – Part 2: Management System Requirements for Warehousing and Related Activities.

MS1500:2009 misalnya adalah standard yang dibangunkan sebagai garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambah nutrien). Ia bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan asas bagi produk makanan atau perniagaan makanan di Malaysia. Ia digunakan oleh Jakim sebagai asas untuk pensijilan manakala keperluan lain juga akan diambil kira untuk melengkapkan proses pensijilan. Dalam standard tersebut dinyatakan definisi-definisi yang dimaksudkan dengan makanan halal, najis, penyembelihan dan sebagainya. Dinyatakan juga sumber makanan dan minuman halal yang terdiri dari sumber haiwan, tumbuhan, mineral dan makanan terubahsuai genetik. Standard ini kemudiannya mengupas secara lebih terperinci mengenai penyembelihan, syarat-syaratnya, kaedah penyembelihan, peralatan, pemprosesan dan pengendalian produk, penyimpanan dan penyajian serta kebersihan dan keselamatan makanan.

Selain Standard Halal Malaysia, rujukan lain yang dijadikan panduan dalam persijilan halal ialah Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) yang

menjadi dokumen rujukan bersekali dengan Standard Halal Malaysia. MPPHM adalah penjelasan kepada Standard Halal Malaysia yang mengandungi keterangan tentang prosedur permohonan sijil halal, proses persijilan, kadar fi dan sebagainya. Secara ringkasnya, produk-produk yang ingin dipersijilkkan halal di Malaysia perlu mematuhi beberapa prosedur yang telah ditetapkan. Sebagai contohnya produk makanan, minuman dan makanan suplemen hendaklah mematuhi:

- i. MS1500: 2009 Makanan Halal - Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan - Garis Panduan Umum (Semakan Kedua);
- ii. Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- iii. keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam atau Fatwa yang diwartakan oleh negeri; dan
- iv. lain-lain peraturan dan garis panduan berkaitan

Produk barang gunaan contohnya hendaklah mematuhi:

- i. MS 2200:2012 Barang Gunaan Islam - Bahagian 2: Penggunaan Tulang, Kulit dan Bulu Haiwan - Garis Panduan Umum;
- ii. keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam atau Fatwa yang diwartakan oleh negeri; dan
- iii. lain-lain peraturan dan garis panduan berkaitan

Penelitian terhadap akta, prosedur dan manual yang diterimakan dalam proses persijilan halal Malaysia tidak menemui sebarang penggunaan istilah *istihlak* atau *istihalah* digunakan. Walaubagaimanapun, dalam akta dan standard halal yang dibangunkan ada ditakrifkan maksud makanan halal seperti berikut (PPDTH 2011):

- i. Apabila suatu makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti makanan atau barang-barang itu:
  - a. bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
  - b. tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
  - c. tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak dan Fatwa;
  - d. tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak dan Fatwa;
  - e. tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;

- f. tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak dan Fatwa; dan
  - g. tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi sub-sub perenggan (a) dan (b).
- ii. Apabila perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang diperihalkan sebagai halal atau diperihalkan dengan apa-apa ungkapan lain untuk menunjukkan perkhidmatan itu boleh digunakan oleh orang Islam, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.

Apabila disebutkan dalam akta atau prosedur persijilan halal mesti mengikut hukum syarak, maka tafsirannya mengikut seksyen 2, Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1993) mendefinisikannya sebagai undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf. Sementara dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan (2002), hukum syarak ditakrifkan sebagai mengikut mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hambali. Tafsiran yang sama dengan enakmen Keluarga Islam Kelantan juga telah dikemukakan dalam enakmen atau akta negeri-negeri lain kecuali dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis yang menyatakan hukum syarak ertinya hukum mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Secara amnya ia menunjukkan mengikut tafsiran sedia ada, hukum syarak adalah mengikut hukum yang ada dalam mazhab Syafie atau mazhab-mazhab lain yang diiktiraf.

Begitu juga, disebutkan mesti mematuhi fatwa yang didefinisikan sebagai apa-apa ketetapan hukum yang disahkan oleh pihak berkuasa agama Islam (PPDTH 2011(Pindaan) 2012), iaitu yang disyorkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Jika diteliti kepada peruntukan berkaitan fatwa dalam enakmen atau akta, ada digariskan pendapat yang perlu diikuti oleh mufti dalam mengeluarkan fatwa. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003), seksyen 54 misalnya menyatakan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakunkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatan kuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.
- (2) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatan kuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satupun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa

kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijтиhad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Peruntukan yang lebih kurang sama dinyatakan dalam enakmen atau akta di negeri lain, Kelantan misalnya dalam Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994), seksyen 37 menyatakan:

- (1) Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 36, Majlis atau Jamaah Ulama' hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie.
- (2) Jika Majlis atau Jamaah Ulama' berpendapat bahawa qaul yang muktamad dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jamaah Ulama' bolehlah dengan keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengikut qaul dari mana-mana Mazhab Islam yang muktabar, kecuali dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah, maka qaul Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah diikut.

Dalam proses persijilan halal di Malaysia, keutamaan beramat dengan qaul muktamad dalam mazhab Syafie sememangnya diambil kira dalam membuat sesuatu keputusan. Sehubungan itu, dalam menilai kedudukan kaedah *istihlak* dan *istihalah* ini maka pandangan mazhab Syafie yang menyempitkan kaedah ini kepada beberapa perkara sahaja lebih diutamakan. Sebarang perubahan atau penguraian yang berlaku dengan sebab percampuran dengan bahan-bahan yang diharamkan menurut hukum syarak dalam produk makanan, minuman, barang gunaan, farmasutikal dan seumpamanya secara umumnya tidak di terima, melainkan ada fatwa atau ketetapan hukum yang membenarkannya.

Badan-badan halal luar negara yang diiktiraf oleh Jakim juga dipastikan mempunyai maklumat berhubung pendirian Jakim ini. Pengauditan yang dijalankan akan melihat pandangan dan pendirian badan-badan Islam yang mengeluarkan sijil halal terhadap produk berdasarkan *istihlak* atau *istihalah*, melawat dan menilai dokumen dan bahan-bahan kritikal yang digunakan dalam penghasilan produk kilang yang diselia oleh mereka, sumber pengambilan, prosedur persijilan dan sebagainya. Hanya badan-badan Islam yang mematuhi kriteria dan standard yang ditetapkan Jakim sahaja yang akan diiktiraf dan diberi status sebagai pemegang badan persijilan halal luar negara.

### **Beberapa Keputusan Hukum di Malaysia berkaitan Produk Berasaskan *Istihlak* dan *Istihalah***

Fatwa sememangnya memainkan peranan penting dalam menentukan status sesuatu produk yang berdasarkan *istihalah* dan *istihlak*. Melalui fatwa yang dikeluarkan maka sesuatu produk yang diragui akan jelas hukumnya, sesuai dengan pandangan ulama

“hukum yang diputuskan pemerintah dalam masalah yang diperselisihkan akan mengangkat perselisihan tersebut” (al-Qarafi: 2010). Sehubungan itu, syarikat yang memohon sijil halal bagi sesuatu produk yang telah diperakukan oleh fatwa kehalalannya boleh memasarkannya, begitulah sebaliknya.

Penelitian yang dibuat terhadap keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (institusi yang berautoriti dalam mengeluarkan keputusan hukum) menunjukkan terdapat beberapa produk berasaskan *istihalah* dan *istahlak* yang telah diputuskan, kebanyakannya berkaitan dengan bab perubatan, makanan dan minuman serta sedikit dalam bab sosial dan syariah, antaranya;

### **Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-6 yang bersidang pada 10 Oktober 1983 telah membincangkan “Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi”. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum menyuntikkan insulin daripada najis *mughalazah* (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.

### **Gelatin Dalam Ubat**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan “Gelatin Dalam Ubat”. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana darurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.

### **Penggunaan Air Baru (*Newater*)**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan “Penggunaan Air Baru (*Newater*)”. Muzakarah telah memutuskan bahawa air baru *newater* adalah bersih dan harus digunakan dari sudut hukum syarak.

### **Hukum Penggunaan Vaksin *Biothrax* Dan Vaksin *Rotateq* Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan “Hukum Penggunaan Vaksin *Biothrax* Dan Vaksin *Rotateq* Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya”. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin *biothrax* dan *rotateq* adalah tidak dibenarkan kerana:

1. Situasi kini dianggap tidak darurat;

2. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin;
3. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.

### **Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan "Hukum Wine Vinegar (Cuka Wain)". Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggunakan cuka wain (*wine vinegar*) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.

### **Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (*Genetic Modified Food*)**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan mengenai "Hukum Memakan Makanan Terubahsuai Genetik (*Genetic Modified Food*)". Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada YBhg. Prof. Dato' Dr. Yaakob Che Man, Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia serta meneliti hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mengambil perhatian bahawa makanan terubahsuai secara genetik melibatkan pemindahan gen-gen yang halal dan juga tidak halal, dari haiwan dan juga tanaman bagi memberikan ciri-ciri yang dikehendaki sebagai makanan atau ubat-ubatan.
2. Dalam hal ini Muzakarah berpandangan bahawa Islam menghendaki umatnya supaya memilih makanan yang baik (*toyyib*) iaitu halal, suci dan tidak memberi mudharat kepada jiwa dan akal manusia dan proses penghasilannya juga tidak memberi mudharat kepada manusia dan alam sekitar.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa dalam penghasilan makanan terubahsuai genetik (*genetic modified food*), penggunaan bahan-bahan yang diharamkan dan memudaratkan manusia serta alam sekitar adalah dilarang. Manakala penggunaan haiwan ternakan yang halal dibolehkan sekiranya haiwan tersebut disembelih mengikut kaedah syarak.

### **Hukum Bahan Pewarna *Cochineal*: Kajian Semula Kadar Piawaian Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-100 yang bersidang pada 4 hingga 6 Julai 2012 telah membincangkan "Hukum Bahan Pewarna *Cochineal*: Kajian Semula Kadar Piawaian

Yang Ditetapkan Oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI". Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa *cochineal* adalah jenis serangga (kumbang betina) yang tidak membahayakan dan zat pewarna yang dihasilkan daripada *cochineal* boleh dimanfaatkan oleh manusia. Dari segi perundangan negara, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah menetapkan bahawa pewarna *carmine* yang diperolehi dan dihasilkan daripada *cochineal* adalah dibenarkan berdasarkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).
2. Muzakarah juga menegaskan bahawa Jumhur Fuqaha' sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna *cochineal* adalah diperolehi daripada serangga *cochineal* yang telah mati di mana darahnya tidak mengalir.
3. Berdasarkan ketetapan tersebut, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan pewarna *cochineal* dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudharatan.

### **Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China)**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai "Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China)". Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa berdasarkan mazhab Shafie, sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone china* dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses *istihalah* dianggap tidak berlaku.
2. Muzakarah juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk *bone china* yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa.
3. Muzakarah juga berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan *bone china* tidak mencapai tahap keperluan (*dharurah*) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakanannya.
4. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone china*) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan.

5. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone china*) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan.

### **Hukum Penggunaan *Cordyceps Sinensis* Dalam Pembuatan Ubat Tradisional**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan "Hukum Penggunaan *Cordyceps Sinensis* Dalam Pembuatan Ubat Tradisional". Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan Muzakarah berpandangan bahawa pada asalnya semua kejadian Allah S.W.T. mempunyai manfaat dan harus penggunaannya. Tiada yang diharamkan melainkan terdapat nas yang sahih dan jelas menerangkan tentang pengharamannya. Ulat dikategorikan sebagai binatang yang tidak mempunyai darah mengalir dan para fuqaha berpandangan bahawa binatang yang tidak mempunyai darah mengalir adalah bersifat tidak menajiskan sepetimana hadis Nabi S.A.W. mengenai lalat yang bermaksud: "Apabila jatuh lalat dalam minuman seseorang kamu, maka tenggelamkannya dahulu sebelum membuangnya, sesungguhnya pada salah satu sayapnya ada penyakit dan pada satu lagi ada ubatnya".
2. Muzakarah menjelaskan bahawa *cordyceps* adalah sejenis kulat dan semua jenis *cordyceps* adalah bersifat *endoparasitoids* iaitu menumpang kepada perumah lain, antaranya pada serangga seperti ulat dan bahan dari larva ulat akan diserap sebagai makanan. Ulat yang merupakan perumah tersebut akan mati akibat daripada proses ini dan bahagian yang tumbuh keluar daripada ulat ini akan digunakan dan spesis *cordyceps* yang paling baik ialah *cordyceps sinensis*. *Cordyceps sinensis* yang asli amat sukar diperolehi dan hanya boleh ditemui di tanah tinggi pergunungan Himalaya. Terdapat dua (2) jenis *cordyceps sinensis* pada masa ini iaitu:
  - a. *Cordyceps sinensis* asli yang mahal dan sukar diperolehi.
  - b. *Cordyceps sinensis* yang dihasilkan melalui proses makmal
3. Sehubungan itu berdasarkan proses-proses penghasilan *cordyceps sinensis* sama ada secara semulajadi atau melalui proses makmal, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan *cordyceps sinensis* dalam proses pembuatan ubat tradisional atau produk makanan kesihatan adalah diharuskan kerana *cordyceps sinensis* asli terhasil daripada bahan yang tidak menajiskan, manakala *cordyceps sinensis* yang terhasil melalui proses makmal juga hanya menggunakan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan sebagai medium pembiakan.
4. Walau bagaimanapun, sekiranya penghasilan *cordyceps sinensis* secara makmal tersebut menggunakan bahan-bahan yang diharamkan sebagai medium pembiakan, maka penggunaannya dalam proses pembuatan apa

jua produk sama ada ubat tradisional atau produk makanan kesihatan adalah diharamkan.

### **Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 membincangkan "Hukum Minyak Ikan Yang Diproses Tanpa Dibuang Perut Atau Najisnya". Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa kandungan isi perut ikan adalah antara hukum yang tidak disebut secara jelas mengenainya sama ada dalam al-Quran ataupun Sunnah Rasulullah S.A.W. Ibn Hajar, Ziyad, al-Ramli dan lain-lain telah bersepakat bahawa apa-apa yang ada dalam perut ikan yang kecil sama ada darah atau najis adalah suci dan boleh dimakan serta tidak dianggap najis, bahkan al-Ramli berpendapat, hukum tersebut berlaku juga kepada ikan yang besar.
2. Sekiranya ia dihukum bersih, syarak menetapkan hukum memakannya bergantung pula pada pandangan pakar perubatan yang dipercayai sama ada ia boleh memudharatkan ataupun tidak. Sekiranya mudharat maka tidak boleh dimakan kerana memberi kesan pada kesihatan, begitulah sebaliknya.
3. Sehubungan itu, berdasarkan *masyaqqah* yang perlu dihadapi untuk memproses ikan dalam kuantiti yang banyak sehingga terlalu sukar untuk dibuang kandungan isi perut ikan satu persatu, dan realiti semasa industri komersil pemrosesan minyak ikan pada masa ini yang perlu mematuhi standard dan piawaian yang ketat bagi memastikan ianya bersih dan selamat digunakan, serta dengan mengambilkira kepentingan, manfaat dan kegunaan minyak ikan kepada kesihatan manusia, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa minyak ikan yang diproses secara komersial dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut atau najisnya adalah suci dan halal dimakan.

Penelitian terhadap keputusan hukum yang dikeluarkan menunjukkan pendapat mazhab Syafie sememangnya diutamakan dalam membuat keputusan terhadap isu hukum yang membabitkan kaedah *istihlak* dan *istihalah*. Walaubagaimanapun dalam beberapa keputusan pandangan mazhab lain yang mengharuskan *istihlak* dan *istihalah* telah dirujuk serta alasan darurat telah digunakan untuk mengharuskan penggunaannya pada masa itu seperti dalam isu penyuntikan *highly purified insulin* daripada babi dan penggunaan gelatin dalam ubat. Sementara dalam isu hukum minyak ikan yang diproses tanpa dibuang perut atau najisnya, pandangan yang lemah dalam mazhab Syafie dan keadaan *masyaqqah* telah diambilkira dalam menetapkan keharusan penggunaannya.

## PENUTUP

Dunia masa kini menyaksikan kebanyakannya produk makanan, barang gunaan, perubatan dan sebagainya mengandungi bahan campuran dalam pemprosesannya. Percampuran itu menyebabkan keraguan di kalangan masyarakat Islam sekiranya bahan yang dicampur diambil dari sumber yang meragukan dari sudut hukum. Persoalan *istihlak* dan *istihalah* dalam penghasilan produk makanan merupakan perkara yang menjadi perselisihan di kalangan fuqaha. Ada yang meluaskan skop penggunaannya dan ada yang menyempitkannya kepada beberapa perkara sahaja. Selama mana ijтиhad yang dilakukan dalam menilai kaedah ini tidak melanggar batasan syariat, mengambil kira kesesuaian dengan uruf dan suasana setempat, maka ia adalah dibenarkan.

Malaysia mempunyai pendirian tersendiri terhadap kaedah *istihalah* dan *istihlak* dalam penghasilan produk halal, amalan semasa menunjukkan pendapat mazhab Syafie diutamakan dalam membuat keputusan terhadap isu hukum yang membabitkan kaedah *istihlak* dan *istihalah*. Perkara ini dapat dilihat melalui keputusan-keputusan hukum membabitkan isu *istihlak* dan *istihalah*. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah isu pendapat mazhab lain juga diterima sekiranya bersesuaian dengan *maqasid syariah* dalam membawa kebaikan dan menolak kemudarat.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abadiy, Muhammad Syams al-Haq al-Azim. 1968. *Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*, Juz. 10, Madinah al-Munawwarah. Al-Maktabah al-Salafiyyah.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (1993) dlm. <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/undang-undang-syariah>

Anisah Ab Ghani dan Muhamad Safiri Ismail. 2014. *Konsep Istihalah Dan Hubungannya Dalam Penentuan Hukum Makanan* dlm. <https://helikmedia.wordpress.com/2014/06/05/konsep-istihalah-dan-hubungannya-dalam-penentuan-hukum-makanan/>

Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin Ali. t.th. *Sunan al-Kubra*, Juz. 1. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Abu Abd Allah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah. t.th, *Sahih al-Bukhari*. Jilid 2, Beirut: Dar al-Fikr

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan (2002) dlm. <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/undang-undang-syariah>

Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994) dlm. <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/undang-undang-syariah>

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) dlm. <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/undang-undang-syariah>

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (2006) Perlis dlm. <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/undang-undang-syariah>
- Al-Fayyumi, Abu al-Abbas Ahmad bin Muhammad. t.th. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Farah Mohd Shahwahid et.al: 2015. *Peranan Agensi Kerajaan Dalam Mengurus Industri Halal Di Malaysia : Isu Dan Cabaran Yang Dihadapi*. World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015) Ar-Rahim Hall, YARSI University, Jakarta, Indonesia, 9th – 10th December 2015.
- Ibn al-Naqib, Shihab al-Din Ahmad bin Lu'lu al-Syafi'i. 1982. *Umdat al-Salik wa Uddat al-Nasik*. Qatar. Al-Shuun al-Diniyyah.
- Ibnu Nujaym, Zain al-Din bin Ibrahim. 1998. *Al-Bahr al-Raiq*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah. Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. t.th. *Al-Mughniy*. T. Tpt. Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abd al-Halim. 2004. *Majmu' al-Fataawa*. Al-Saudiah. Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mashaf al-Sharif.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. 2015. Cet. Ke-5. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah. 2013. Keputusan Mesyuarat Kali ke-23. 25-28 Jun 2013. Sarajevo. Bosnia.
- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. 2015. Cet. Pertama. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Mohammad Aizat Jamaluddin. 2013. *Istihlah; Konsep dan Aplikasi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang. Selangor.
- Mohd Yusof Abdul Rahman. 2012. *Akta Perihal Dagangan 2011 Berkuatkuasa 1 Januari 2012* dlm. <http://www.konsumerkini.net.my/v1/index.php/berita-terkini/perubahan-iklim/758-akta-perihal-dagangan-2011-berkuat-kuasa-1-januari-2012>
- MS 1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum.
- Muhammad ibn Ahmad ibn Arafah al-Dusuqi, 1980, *Hashiyat al-Dasuqi ala al-Syrah al-Kabir*, Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
- Norhidayah Pauzi & Saadan Man. 2016. *Cuka Wain Dari Perspektif Islam: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia* dlm. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002819\\_147885.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002819_147885.pdf)
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. 2006. *Halal Haram; Buku Penting Umat Islam*. Pulau Pinang.
- Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011(Pindaan) 2012. Jabatan Peguam Negara dlm. <http://rr.mpc.gov.my/data/lic-legal-2014-01-09-12-28-17.pdf>
- Al-Qaradaghi. Ali Muhy al-Din. 2017. *Al-Istihlah wa al-Istihlak wa Daurihima fi al-Tathir, Ma'a al-Tatbiqat al-Muasirah* dlm. <http://www.qaradaghi.com/chapterDetails.aspx?ID=120>

- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris bin Abd al-Rahman. 2010. *Al-Furuq*. Al-Saudiah. Wizarah al-Awqaf.
- Saadan Man. 2009. *Pendekatan Istihalah Dalam Produk Yang Berunsurkan Babi* dlm. Seminar Fenomena Najis Mughallazah Dalam Dunia Kontemporari. Auditorium SIRIM. Shah Alam. Selangor.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. t.th. *Al-Asybah Wa al-Nazair*. Bangkok. Maktabah wa Matbaah al-Nahdi wa Auladuh.
- Al-Syirbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah. Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Shirazy, Ibrahim bin Ali bin Yusof. t.th. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. T. Tpt. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Wahbah al-Zuhayli. 1985. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimashq. Dar al-Fikr.
- Al-Zayla'iy, Fakh al-Din. 1984. *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*. Kaherah. Al-Matbaah al-Kubra al-Amiriyyah.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*